

BAB 2

PRESTASI EKONOMI PULAU PINANG

SOSIOEKONOMI PULAU PINANG 2022

PRESTASI EKONOMI PULAU PINANG 2022

PRESTASI MENGIKUT SEKTOR

INDEKS HARGA PENGGUNA

RENCANA 2:
PEMBANGUNAN INDEKS SERENTAK:
SISTEM PENUNJUK EKONOMI
PULAU PINANG







Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong



SOSIOEKONOMI PULAU PINANG 2022

KDNK: RM112.1 bilion **13.1%**
(2021: RM99.1 bilion) (2021: 6.9%)



Nota : KDNK : Keluaran Dalam Negeri Kasar
PBT : Pihak Berkuasa Tempatan
* Data tahun 2021

Sumber: Laporan Sosioekonomi Negeri Pulau Pinang 2022



PRESTASI EKONOMI PULAU PINANG 2022

13.1%Pertumbuhan
ekonomi Pulau Pinang**RM112.1 bilion**Nilai KDNK
pada tahun 2022

Silicon Valley of the East adalah gelaran yang diberikan kepada Pulau Pinang, disebabkan keteguhan dan kepesatan ekosistem elektrik & elektronik (E&E) di negeri ini. Justifikasinya, Pulau Pinang merekodkan jumlah eksport produk E&E tertinggi di Malaysia pada tahun 2022 sekali gus menjadikan negeri ini sebagai penyumbang terbesar eksport bagi item tersebut sebanyak 59.2 peratus. Pencapaian ekonomi yang baik ini menunjukkan bahawa Pulau Pinang berada dalam landasan ekonomi yang utuh. Bagi memastikan kegiatan ekonomi di negeri ini kekal optimum, Bajet Tahun 2022 yang bertemakan "Accelerating Penang 2030" telah dirangka sepadan dengan hala tuju kerajaan dalam usaha merencanakan aktiviti ekonomi.

Sementara itu, *Industry Engagement Initiatives* merupakan salah satu daripada inisiatif kerajaan negeri yang dinyatakan dalam bajet tersebut bagi memperkasa ekosistem pembuatan, memperluas asas pelabur dan menyediakan negeri ini ke arah masa hadapan digital. Justeru, kerajaan akan mewujudkan hab inovatif digital bagi merangsang K-ekonomi dengan kerjasama antara kerajaan negeri dengan Digital Nasional Berhad (DNB) dan Kementerian Komunikasi dan Multimedia (MCMC) bagi pelaksanaan Projek 5G. Di samping itu, Projek *Gurney Wharf* dijalankan untuk tujuan menggiatkan pembangunan kawasan hijau bagi pusat rekreasi dan riadah dengan peruntukan berjumlah RM60.0 juta.

Ekonomi Pulau Pinang mengukuh 13.1 peratus pada tahun 2022 (2021: 6.9%) dengan nilai KDNK berjumlah RM112.1 bilion (2021: RM99.1 bilion) seperti yang dipaparkan pada **Carta 2.1**. Melihat dari perspektif sumbangan kepada ekonomi pula, sektor Pembuatan dan Perkhidmatan merupakan penyumbang terbesar kepada ekonomi



Pulau Pinang (**Carta 2.2**) dengan sumbangan kumulatif 95.0 peratus diikuti oleh sektor Pembinaan menyumbang 2.4 peratus, manakala sektor Pertanian dan Perlombongan & pengkuarian masing-masing menyumbang 1.8 peratus dan 0.1 peratus.


Pertumbuhan kukuh negeri ini dipacu oleh dua sektor utama iaitu sektor Perkhidmatan dan sektor Pembuatan masing-masing mencatatkan pertumbuhan 11.3 peratus (2021: 2.4%) dan 15.9 peratus (2021: 12.4%). Sektor Pembinaan pula merekodkan pertumbuhan 7.9 peratus (2021: 12.9%). Manakala sektor Pertanian dan Perlombongan & pengkuarian pula menunjukkan peningkatan masing-masing 3.4 peratus (2021: -2.3%) dan 7.9 peratus (2021: -6.6%) seperti **Carta 2.3**.

Buat julung kalinya, sektor Pembuatan mendominasi ekonomi Pulau Pinang dengan sumbangan sebanyak 48.3 peratus. Sektor ini merekodkan pertumbuhan 15.9 peratus (2021: 12.4%) dengan nilai ditambah RM54.2 bilion (2021: RM46.8 bilion). Prestasi ini dirangsang oleh pengukuhan dalam subsektor Produk elektrik, elektronik dan optikal yang bertumbuh pada kadar 21.8 peratus. Pulau Pinang turut mendapat pelaburan projek pembuatan yang diluluskan berjumlah RM13.7 bilion pada tahun 2022. Tambahan pula, 25 *Startups*, inkubator pertama untuk teknologi *Blockchain* dan *Internet-of-Things (IoT)* telah ditubuhkan bagi melengkapkan prasana sektor Pembuatan di negeri ini di samping untuk menguji potensi pasaran syarikat tempatan dan asing dalam industri teknologi Malaysia.

Sektor Perkhidmatan merekodkan nilai ditambah berjumlah RM52.4 bilion (2021: RM47.1 bilion) dengan pertumbuhan memberangsangkan 11.3 peratus (2021: 2.4%). Faktor-faktor yang mendorong perkembangan positif sektor ini ialah lonjakan dalam subsektor Perdagangan borong dan runcit, makanan & minuman dan penginapan serta Utiliti, pengangkutan, maklumat dan komunikasi. Seterusnya, aktiviti pelancongan turut memberikan sumbangan terbesar kepada sektor Perkhidmatan apabila jumlah penumpang antarabangsa yang tiba di Lapangan Antarabangsa Pulau Pinang meningkat seramai 629,476 orang pada tahun 2022 yang mana kebanyakan pelancong adalah daripada negara Asia Tenggara. Malahan, jumlah tetamu hotel daripada pelancong


Carta 2.1

Nilai dan kadar pertumbuhan KDNK Pulau Pinang, 2015-2022




Carta 2.2

Nilai ditambah dan peratus sumbangan mengikut sektor, Pulau Pinang, 2022



Carta 2.3

Kadar pertumbuhan mengikut sektor, Pulau Pinang, 2021-2022



Paparan 2.1**Nilai ditambah mengikut sektor utama Pulau Pinang, 2022**

asing pada tahun ini turut melonjak seramai 5.58 juta orang berbanding 1.32 juta orang pada tahun 2021.

Seterusnya, sektor Pembinaan juga meningkat pada kadar 7.9 peratus (2021: 12.9%) dengan nilai ditambah berjumlah RM2.7 bilion (2021: RM2.5 bilion). Prestasi ini dipengaruhi oleh pertumbuhan nilai kerja binaan dalam subsektor pembinaan bangunan. Kerajaan negeri juga telah menerima kelulusan peruntukan dana daripada Bank Dunia untuk melaksanakan projek seperti *Urban Greening* bagi pembinaan *pocket park*. Dana tersebut juga digunakan untuk projek *Storm Management* bagi pembinaan *blue-green corridors*, *upstream retention ponds* dan *infiltration wells*.

Seterusnya, prestasi sektor Pertanian bertumbuh 3.4 peratus (2021: -2.3%) dengan nilai ditambah RM2.1 bilion (2021: 2.0 bilion). Pertumbuhan ini disokong oleh peningkatan dalam pengeluaran subsektor Perikanan, terutamanya dalam aktiviti akuakultur. Bagi memastikan sektor ini kekal berdaya tahan, kerajaan telah mengambil inisiatif dengan melaksanakan program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) dikelolakan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) untuk meningkatkan produktiviti hasil pengeluaran padi dan pendapatan pesawah. Dalam pada itu, sejumlah RM6.3 juta telah diperuntukan yang bertujuan membangunkan serta menaik taraf teknologi pertanian di Pulau Pinang melibatkan pelbagai projek. Misalnya, Pakej Insentif Amalan Teknologi di bawah *Program Farmer To Farmer* dan Model Pembenihan Aruhan Kerang.

Sektor Perlombongan dan pengkuarian di Pulau Pinang memulih 7.9 peratus (2021: -6.6%) dengan nilai ditambah RM140.2 juta (2021: RM130.0 juta). Prestasi ini didorong oleh peningkatan dalam aktiviti pengkuarian granit dan pemecahan batu.



PRESTASI MENGIKUT SEKTOR

SEKTOR PERTANIAN

Bagi memastikan bekalan makanan mencukupi dan selamat, sektor Pertanian di negeri perlu ditransformasi supaya menjadi sektor yang moden, dinamik dan kompetitif sebagai pengeluar utama makanan negara seterusnya menjadi jentera pertumbuhan ekonomi di negeri. Sektor Pertanian di Pulau Pinang mencatatkan nilai ditambah berjumlah RM2.1 bilion pada tahun 2022 berbanding RM2.0 bilion pada tahun sebelumnya.

Sektor ini menyumbang 1.8 peratus kepada KDNK Pulau Pinang pada tahun 2022. Subsektor Perikanan merupakan penyumbang terbesar sektor Pertanian di Pulau Pinang dengan sumbangan 39.6 peratus, diikuti subsektor Tanaman (31.7%) dan Ternakan (28.8%) seperti pada **Carta 2.4**.

Pertumbuhan sektor ini menunjukkan peningkatan iaitu daripada penguncupan 2.3 peratus (2021) kepada 3.4 peratus pada tahun 2022, disokong oleh pertumbuhan dalam subsektor Perikanan. Subsektor Perikanan mencatatkan pertumbuhan kukuh 13.2 peratus berbanding penyusutan 9.1 peratus pada tahun sebelumnya. Prestasi ini disumbangkan oleh pertumbuhan dua digit dalam aktiviti ternakan ikan air payau dan juga pendaratan ikan laut.

Subsektor Tanaman sebaliknya menyusut 5.9 peratus berbanding 1.7 peratus pada 2021. Penyusutan ini dipengaruhi oleh penurunan dalam pengeluaran padi dan juga tanaman sayur-sayuran. Antara sayur-sayuran utama yang mencatatkan penurunan adalah bendi, bayam dan kangkung.

Subsektor Ternakan yang merupakan aktiviti yang besar dalam sektor Pertanian di Pulau Pinang mencatatkan pertumbuhan 2.2 peratus berbanding 2.4 peratus pada tahun 2021. Pertumbuhan ini disokong oleh aktiviti ternakan ayam & itik serta lembu & kerbau.

**“ RM2.1 bilion
sektor Pertanian
Pulau Pinang pada tahun 2022 ”**



SEKTOR PERLOMBONGAN DAN PENGKUIARIAN

Sektor Perlombongan dan pengkuarian di Pulau Pinang mencatatkan nilai ditambah sebanyak RM140.2 juta berbanding RM130.0 juta pada tahun 2021. Sektor ini menyumbang 0.1 peratus kepada KDNK Pulau Pinang.

Pada tahun 2022, sektor ini meningkat 7.9 peratus (2021: -6.6%) seperti pada **Carta 2.5**. Peningkatan ini dipengaruhi oleh aktiviti pengkuarian granit dan pemecahan batu. Selain itu, aktiviti pengkuarian pasir dan batu kapur juga menyumbang kepada prestasi keseluruhan sektor ini.

SEKTOR PEMBINAAN

Pada tahun 2022, sektor Pembinaan Pulau Pinang mencatatkan nilai ditambah berjumlah RM2.7 bilion, meningkat daripada RM2.5 bilion yang direkodkan pada tahun sebelumnya. Sektor ini menyumbang sebanyak 2.4 peratus kepada keseluruhan ekonomi Pulau Pinang.

Prestasi sektor ini meningkat kepada 7.9 peratus berbanding 12.9 peratus pada tahun 2021, seperti yang ditunjukkan pada **Paparan 2.2**. Perkembangan ini disokong oleh pertumbuhan positif dua angka dalam segmen bangunan bukan kediaman. Segmen ini mendominasi sektor Pembinaan dengan sumbangan sebanyak 44.7 peratus.

Selain itu, segmen bangunan kediaman dan segmen kejuruteraan awam yang masing-masing menyumbang sebanyak 24.9 peratus dan 12.1 peratus juga turut meningkat. Walau bagaimanapun, segmen aktiviti pertukangan khas yang mewakili 18.2 peratus mengalami penguncupan.


Projek utama:

Antara projek pembinaan utama yang terdapat di Pulau Pinang ialah:

- ◆ Projek jalan-jalan utama di Pulau Pinang;
- ◆ Pembinaan pusat membeli-belah dan pusat konvensyen, Georgetown;
- ◆ Pembinaan jalan pintasan dari Bandar Baru Ayer Itam (FARLIM) ke Lebuhraya Dr Lim Chong Eu;
- ◆ Pembinaan kemudahan perindustrian di Taman Perindustrian Batu Kawan;
- ◆ Pembinaan bangunan bertingkat bagi Hospital Seberang Jaya; dan
- ◆ Projek-projek pembangunan bercampur di pelbagai lokasi.

Paparan 2.2

Pertumbuhan sektor Pembinaan, Pulau Pinang, 2022



SEKTOR PEMBUATAN

Penyumbang kedua terbesar sektor Pembuatan di Malaysia adalah Pulau Pinang dengan sumbangan sebanyak 14.9 peratus. Sektor ini mendominasi ekonomi Pulau Pinang dengan sumbangan 48.3 peratus, diikuti Sektor Perkhidmatan (46.7%). Pada tahun 2022, sektor ini merekodkan nilai ditambah sebanyak RM54.2 bilion dan mencatatkan pertumbuhan mampan 15.9 peratus berbanding 12.4 peratus pada tahun 2021.



Subsektor Produk elektrik, elektronik dan optikal yang merupakan pemacu utama sektor ini merekodkan sumbangan sebanyak 74.6 peratus seperti pada **Carta 2.6**. Subsektor ini terus mengukuh dengan kekal mencatatkan pertumbuhan dua digit iaitu 21.8 peratus berbanding 16.5 peratus pada tahun sebelumnya. Prestasi ini didorong oleh segmen komponen & papan elektronik, peralatan komunikasi dan elektronik pengguna yang mengukuh 26.3 peratus (2021: 18.5%) disokong oleh aktiviti pembuatan diod, transistor & alatan semikonduktor, pembuatan papan litar bercetak dan pembuatan litar elektroknik bersepadu dengan pemasangan mikro. Prestasi memberangsangkan bagi subsektor ini seiring dengan prestasi eksport bagi produk berkait elektrik dan elektronik yang turut mencatatkan peningkatan yang antaranya produk litar elektronik bersepadu, barangan elektrik & elektronik lain dan kristal piezo elektrik & alat ganti.

Selain itu, kumpulan Produk mineral bukan logam, logam asas dan produk logam yang direka, menyumbang 6.9 peratus turut mencatatkan peningkatan sebanyak 9.2 peratus (2021: 7.7%).

Walau bagaimanapun, Produk petroleum, kimia, getah dan plastik yang merupakan penyumbang kedua sektor Pembuatan negeri ini (sumbangan: 7.5%) menyusut 3.5 peratus (2021: 5.0%) dipengaruhi oleh kejatuhan dalam produk kimia & bahan kimia, produk getah dan plastik.


Secara keseluruhan, Pulau Pinang menerima jumlah pelaburan kedua tertinggi pada tahun 2022 berjumlah RM13.7 bilion. Pelaburan terbesar diterima oleh industri elektrik & elektronik dan jentera dan peralatan yang masing-masing berjumlah RM5.8 bilion dan RM5.0 bilion.

SEKTOR PERKHIDMATAN

Pembukaan semula sempadan antarabangsa negara pada 1 April 2022 telah mempercepat pemulihan prestasi semua sektor ekonomi. Ianya dilihat telah memberi impak positif kepada prestasi ekonomi sektor Perkhidmatan di sesebuah negeri. Pada tahun 2022, sektor Perkhidmatan di Pulau Pinang mencatatkan nilai ditambah berjumlah RM52.4 bilion (2021: RM47.1 bilion) iaitu pertambahan sebanyak RM5.3 bilion berbanding tahun sebelumnya RM1.1 bilion. Sumbangan sektor ini kepada KDNK Pulau Pinang adalah 46.7 peratus (2021: 47.5%). Sektor ini mencatatkan pertumbuhan dua digit yang menggalakkan iaitu 11.3 peratus berbanding 2.4 peratus pada tahun sebelumnya.

Paparan 2.3

Penyumbang utama dan pertumbuhan 2022 bagi subsektor Perkhidmatan





Prestasi mengikut subsektor dalam sektor Perkhidmatan pada **Jadual 2.2**.

Perdagangan borong dan runcit

Pada tahun 2022, subsektor perdagangan borong & runcit telah menyumbang 26.3 peratus kepada sektor Perkhidmatan di Pulau Pinang. Prestasi ekonomi subsektor ini bertumbuh dua digit 14.2 peratus (2021: 0.8%) disokong oleh segmen runcit.

Segmen runcit mencatatkan pertumbuhan dua digit iaitu 18.9 peratus berbanding 1.7 peratus pada tahun sebelumnya. Prestasi positif ini didorong oleh pertumbuhan dalam aktiviti jualan runcit di stor bukan pengkhususan dan juga aktiviti jualan runcit barangan lain di stor pengkhususan. Sumbangan segmen runcit ini kepada subsektor perdagangan borong & runcit Pulau Pinang adalah 51.1 peratus (**Carta 2.7**).

Segmen borong turut meningkat, namun bertumbuh perlahan kepada 2.1 peratus pada tahun 2022 (2021: 3.3%) dipengaruhi oleh peningkatan dalam aktiviti jual borong barangan isi rumah dan juga lain-lain pengkhususan jual borong. Sumbangan segmen borong ini kepada subsektor perdagangan borong & runcit di Pulau Pinang adalah 37.0 peratus.

Seterusnya, prestasi segmen kenderaan bermotor melonjak dengan ketara kepada 42.0 peratus (2021: -12.7%) dipacu oleh aktiviti jualan komponen (termasuk alat ganti) & aksesori kenderaan bermotor dan juga jualan kenderaan bermotor.

“Subsektor perdagangan borong dan runcit Pulau Pinang melonjak 14.2% pada tahun 2022”

Pengangkutan dan penyimpanan

Subsektor pengangkutan dan penyimpanan menyumbang sebanyak 9.8 peratus kepada keseluruhan sektor Perkhidmatan Pulau Pinang. Operasi lebuh raya merupakan penyumbang utama dengan sumbangan 27.5 peratus, diikuti pengangkutan lain (27.0%), pengangkutan darat (17.5%), pengangkutan air (10.7%), pelabuhan & operasi penerbangan (7.7%), pengangkutan udara (6.5%) dan perkhidmatan pos & kurier (3.1%) seperti pada **Carta 2.8**.

Pada tahun 2022, subsektor ini menunjukkan peningkatan dua digit iaitu 26.8 peratus berbanding 4.2 peratus pada tahun sebelumnya. Ekosistem ekonomi yang telah dibuka sepenuhnya merencanakan pertumbuhan subsektor ini yang didorong oleh peningkatan aktiviti operasi lebuh raya, pengangkutan lain, pengangkutan darat dan pengangkutan udara.

Penginapan dan makanan & minuman

Susulan pengumuman kerajaan membuka pintu sempadan kepada pelancong antarabangsa bermula 1 April 2022, dilihat memberi impak yang positif kepada sektor pelancongan. Subsektor penginapan di negeri Pulau Pinang merekodkan pertumbuhan yang memberangsangkan iaitu 132.3 peratus pada tahun 2022 (2021: -25.9%). Ini turut disokong oleh data bilangan tetamu hotel daripada Tourism Malaysia yang meningkat seramai 4.3 juta orang atau 322.9 peratus berbanding tahun sebelumnya.

Begitu juga subsektor makanan dan minuman yang mencatatkan peningkatan 20.5 peratus (2021: -9.6%). Subsektor ini menyumbang sebanyak 4.4 peratus kepada sektor Perkhidmatan di Pulau Pinang.



Perkhidmatan maklumat dan komunikasi

Subsektor perkhidmatan maklumat dan komunikasi menyumbang 10.5 peratus kepada sektor Perkhidmatan di Pulau Pinang. Pada tahun 2022, nilai ditambah bagi subsektor ini berjumlah RM5.5 bilion dengan mencatatkan kadar pertumbuhan 4.7 peratus berbanding 7.1 peratus pada tahun sebelumnya. Pertumbuhan prestasi ini didorong oleh segmen perkhidmatan telekomunikasi.

Segmen perkhidmatan telekomunikasi merekodkan kadar pertumbuhan sebanyak 4.6 peratus didorong oleh permintaan dalam perkhidmatan komunikasi data. Aktiviti pembelajaran, e-Kesihatan, e-Kerajaan, e-Dagang dan penggunaan platform media sosial seperti WhatsApp, Twitter dan Youtube turut merangsang kepada permintaan perkhidmatan ini.

Selain itu, antara aktiviti lain yang turut menyumbang kepada prestasi keseluruhan subsektor maklumat dan komunikasi ialah aktiviti perkhidmatan komputer & maklumat dan aktiviti penerbitan & penyiaran dengan masing-masing mencatatkan pertumbuhan sebanyak 6.3 peratus dan 0.6 peratus.

Kewangan dan insurans

Kewangan dan insurans berkembang 0.2 peratus pada tahun 2022. Pertumbuhan ini diterajui oleh segmen kewangan yang merupakan penyumbang utama sektor ini iaitu sebanyak 74.4 peratus. Peningkatan 2.4 peratus bagi segmen ini disokong oleh aktiviti perantara kewangan.

Sementara itu, aktiviti insurans yang menyumbang 25.6 peratus kepada subsektor kewangan dan insurans menyusut 5.2 peratus dipengaruhi oleh aktiviti insurans dan tabungan pencen.

Hartanah

Subsektor hartanah di Pulau Pinang melonjak 38.1 peratus pada tahun 2022 (2021: -2.3%) dengan nilai ditambah sebanyak RM1.5 bilion. Pertumbuhan ini disumbangkan oleh aktiviti hartanah bagi harta milikan sendiri atau pajakan terutama dalam pembelian, penjualan, penyewaan & pengendalian hartanah kediaman dan bukan kediaman yang menyumbang 64.8 peratus kepada keseluruhan subsektor hartanah di Pulau Pinang.

Berdasarkan Laporan Pasaran Harta 2022, pasaran harta tanah Pulau Pinang meningkat didorong oleh perkembangan positif segmen kediaman. Segmen ini merekodkan nilai transaksi berjumlah RM8.0 bilion, meningkat 33.4 peratus pada tahun 2022. Sementara itu, segmen perdagangan turut meningkat 15.4 peratus dengan nilai transaksi berjumlah RM1.5 bilion.

Pertumbuhan kukuh dalam sektor Pembinaan dan Perkhidmatan perniagaan secara tidak langsung telah merancakkan aktiviti hartanah di Pulau Pinang.

Perkhidmatan perniagaan

Subsektor perkhidmatan perniagaan merekodkan peningkatan 20.9 peratus (2021: -7.5%) dipacu oleh aktiviti profesional dan perkhidmatan perniagaan lain.

Aktiviti profesional, saintifik dan teknikal kekal mendominasi subsektor ini dengan sumbangan sebanyak 77.8 peratus. Aktiviti ini melantun 19.7 peratus daripada negatif 3.1 peratus yang dicatatkan pada tahun sebelumnya.

Aktiviti utama yang menyokong prestasi tersebut termasuklah guaman, perakaunan dan perkhidmatan kejuruteraan. Antara aktiviti lain yang turut memberi impak kepada prestasi segmen ini ialah perkhidmatan arkitek dan perkhidmatan juruukur tanah.



Dalam pada itu, aktiviti pentadbiran dan khidmat sokongan menyumbang sebanyak 22.2 peratus dan mencatatkan pemulihan 25.2 peratus (2021: -20.6%) didorong oleh aktiviti agensi pengembaraan dan pembersihan am bangunan.

Perkhidmatan kesihatan swasta

Subsektor perkhidmatan kesihatan swasta menyumbang sebanyak 2.7 peratus kepada sektor Perkhidmatan di Pulau Pinang. Subsektor ini mencatatkan pertumbuhan positif 11.4 peratus berbanding 6.4 peratus pada tahun 2021.

Aktiviti hospital merupakan penyumbang utama subsektor ini iaitu sebanyak 71.7 peratus merekodkan pertumbuhan 13.4 peratus pada tahun 2022 (2021: 8.9%). Antara aktiviti lain yang menyumbang kepada pertumbuhan keseluruhan perkhidmatan ini adalah aktiviti amalan perubatan dan pergigian.

Perkhidmatan pendidikan swasta

Subsektor perkhidmatan pendidikan swasta menyumbang 1.0 peratus kepada keseluruhan sektor Perkhidmatan Pulau Pinang. Pada tahun 2022, subsektor ini merekodkan pertumbuhan 6.7 peratus (2021: -0.4%). Pengoperasian kesemua institusi pendidikan untuk Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) secara bersemuka telah mendorong kepada peningkatan bagi subsektor ini.

Aktiviti pendidikan tinggi menjadi penyumbang utama dengan sumbangan 47.4 peratus seperti pada **Carta 2.9**. Seterusnya, diikuti oleh pendidikan lain (27.1%), pendidikan menengah (14.2%), pendidikan pra-sekolah dan pendidikan rendah (10.8%), dan perkhidmatan sokongan pendidikan (0.4%).

Perkhidmatan kerajaan

Perkhidmatan kerajaan dikategorikan sebagai pengeluar bukan pasaran. Nilai ditambah bagi perkhidmatan ini diperoleh daripada nilai pampasan pekerja, pencen yang diperuntukkan kepada pekerja yang sedang bekerja dan penggunaan modal tetap.

Subsektor ini meliputi empat peringkat kerajaan iaitu kerajaan persekutuan, kerajaan negeri, badan berkanun dan pihak berkuasa tempatan (PBT). Penglibatan sektor kerajaan memainkan peranan yang penting dalam pelaksanaan pembangunan ekonomi negeri.

Pada tahun 2022, nilai ditambah perkhidmatan kerajaan di Pulau Pinang adalah sebanyak RM7.0 bilion berbanding RM6.8 bilion pada tahun sebelumnya dengan mencatatkan peningkatan sebanyak 4.0 peratus (2021: 4.5%). Perkhidmatan ini menyumbang sebanyak 13.5 peratus kepada keseluruhan sektor Perkhidmatan di negeri ini.


“**Subsektor perkhidmatan pendidikan swasta Pulau Pinang bertumbuh 6.7% pada tahun 2022**”



CARTA PRESTASI MENGIKUT SEKTOR


Carta 2.4

Prestasi sektor Pertanian, Pulau Pinang, 2021-2022




Carta 2.5

Prestasi sektor Perlombongan dan pengkuarian, Pulau Pinang, 2015-2022




Carta 2.6

Peratus sumbangan sektor Pembuatan, Pulau Pinang, 2022




Carta 2.7

Peratus sumbangan subsektor perdagangan borong dan runcit, Pulau Pinang, 2022




Carta 2.8

Peratus sumbangan subsektor pengangkutan dan penyimpanan, Pulau Pinang, 2022



Carta 2.9

Peratus sumbangan subsektor pendidikan swasta, Pulau Pinang, 2022



JADUAL PRESTASI MENGIKUT SEKTOR
Jadual 2.1 Statistik industri kelapa sawit, Pulau Pinang, 2021-2022

Pulau Pinang	Nilai		Pertumbuhan (%)	
	2021	2022	2021	2022
Buah tandan segar ('000 tan)	-	-	-	-
Keluasan belum matang (hektar)	161	138	-44.3	-14.3
Keluasan matang (hektar)	9,522	8,441	-24.1	-11.4

Sumber: MPOB

Jadual 2.2 Prestasi sektor Perkhidmatan, Pulau Pinang, 2021-2022

Subsektor	2021 ^e			2022 ^p		
	Nilai ditambah (RM juta)	Peratus sumbangan (%)	Peratus pertumbuhan (%)	Nilai ditambah (RM juta)	Peratus sumbangan (%)	Peratus pertumbuhan (%)
Utiliti, pengangkutan dan penyimpanan, maklumat dan komunikasi	11,536	24.5	5.4	12,867	24.6	11.5
Perdagangan borong dan runcit, makanan & minuman dan penginapan	14,244	30.3	(1.4)	16,683	31.9	17.1
Kewangan dan insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan	9,361	19.9	4.6	10,175	19.4	8.7
Perkhidmatan-perkhidmatan lain	5,150	10.9	(0.2)	5,601	10.7	8.8
Perkhidmatan kerajaan	6,773	14.4	4.5	7,045	13.5	4.0
Jumlah	47,064	47.5	2.4	52,371	46.7	11.3



PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN)

PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

Antara perkhidmatan perlu termasuklah :

1. Pazaraya/pasaraya besar
2. Kedai farmasi
3. Restoran

FASA 1

Antara perkhidmatan yang beroperasi termasuklah :

1. Kedai cuci kereta
2. Kedai elektrik & elektronik
3. Kedai perabot

FASA 2

Antara perkhidmatan yang beroperasi termasuklah :

1. Kedai barangan terpakai
2. Kedai bunga dan nursuri
3. Kedai antik

FASA 3

Antara perkhidmatan yang beroperasi termasuklah :

1. Spa
2. Rawatan kuku
3. Pusat hiburan

FASA 4

Semua sektor Perkhidmatan boleh beroperasi pada kapasiti penuh tertakluk kepada pematuhan SOP

Negeri	2021												2022				
	Jan-Mei	Jun	Julai	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis	Jan	April							
	PKP												FASA				
Johor	1	1	1	1	2	4	4	4	4	4	4	4	4	4	4		
Kedah	1	1	1	1	2	3	3	3	3	3	3	3	3	3	3		
Kelantan	1	1	2	2	2	3	3	3	3	3	3	3	3	3	3		
Melaka	1	1	1	1	2	4	4	4	4	4	4	4	4	4	4		
Negeri Sembilan	1	1	1	2	4	4	4	4	4	4	4	4	4	4	4		
Pahang	1	1	2	2	3	4	4	4	4	4	4	4	4	4	4		
Pulau Pinang	1	1	2	2	2	3	3	3	3	3	3	3	3	3	3		
Perak	1	1	2	2	2	3	3	3	3	3	3	3	3	3	3		
Perlis	1	1	2	3	3	3	3	3	3	3	3	3	3	3	3		
Selangor	1	1	1	1	2	4	4	4	4	4	4	4	4	4	4		
Terengganu	1	1	2	2	3	4	4	4	4	4	4	4	4	4	4		
Sabah	1	1	2	2	2	3	3	3	3	3	3	3	3	3	3		
Sarawak	1	1	2	3	3	4	4	4	4	4	4	4	4	4	4		
WP Kuala Lumpur	1	1	1	1	2	4	4	4	4	4	4	4	4	4	4		
WP Labuan	1	1	2	4	4	4	4	4	4	4	4	4	4	4	4		
WP Putrajaya	1	1	1	1	2	4	4	4	4	4	4	4	4	4	4		

Pelaksanaan KP,PKP, PKPB, KPPD

Pembukaan Sempadan

Sumber: MKN



KRONOLOGI KELONGGARAN PERJALANAN PELANCONG, 2022

24 JAN 2022

- Kuarantin 5 hari bagi menerima vaksin penggalak selepas tiba di Malaysia.
- Kuarantin 7 hari bagi yang cukup 2 dos tanpa dos penggalak atau 10 hari bagi yang belum lengkap divaksin
- Perlu melakukan PCR 2 hari sebelum berlepas, apabila tiba dan pada hari ke-4 atau menggunakan RTK pada hari ke-5
- Pelancong yang baru tiba dari negara berisiko perlu menjalani kuarantin di rumah dan memakai alat pengesan digital.
- Kapasiti bas dan penerbangan VTL ke Singapura dihadkan kepada 50 peratus.

- **Dos Penggalak:**
Kuarantin 5 hari
- **2 Dos :**
Kuarantin 7 hari
- **Belum lengkap vaksinasi:**
Kuarantin 10 hari

3 MAC 2022

- Pelancong VTL, Gelembung Pelancongan Antarabangsa Langkawi (LITB) dan One Stop Centre (OSC) bagi perjalanan singkat tidak perlu lagi menjalani ujian RTK-Ag, tetapi perlu menjalankan ujian COVID-19 2 hari sebelum berlepas dan apabila tiba di Malaysia.
- Kerajaan memansuhkan RT-PCR atau RTK-Ag sebelum meninggalkan Langkawi bagi program LITB seiring dengan pembatalan ujian kenadiri sepanjang tempoh kuarantin kepada pelancong UK.

Pemansuhan RT-PCR @ RTK-Ag bagi program LITB

1 APR 2022

- Pembukaan pintu sempadan kepada pelancong antarabangsa.
- Pelancong yang lengkap divaksinasi tidak perlu menjalani kuarantin, hanya perlu melakukan RT-PCR 2 hari sebelum berlepas dan RTK-Ag dalam tempoh 24 jam selepas tiba di Malaysia
- Pelancong hanya perlu mengaktifkan MySejahtera tanpa perlu memohon MyTravelPass.
- Pelancong yang masih belum lengkap divaksin perlu menjalani kuarantin selama 5 hari selepas ke-tibaan.
- Pelancong berumur 12-17 tahun tidak perlu dikuarantin tetapi perlu menjalani COVID-19 RTK-Ag dalam tempoh 24 jam selepas tiba di Malaysia.

Pembukaan pintu sempadan

1 MEI 2022

- Pelancong yang lengkap vaksinasi tidak perlu menjalani ujian COVID-19 termasuk kanak-kanak berumur 12 tahun dan ke bawah serta mereka yang telah dijangkiti dalam tempoh 6-60 hari sebelum berlepas ke Malaysia.
- Pelancong yang belum lengkap vaksinasi masih perlu menjalani ujian RT-PCR 2 hari sebelum berlepas dan RTK-Ag dalam tempoh 24 jam selepas tiba di Malaysia dan menjalani 5 hari kuarantin (pengecualian untuk umur 17 tahun dan ke bawah).

Tidak perlu ujian bagi yang lengkap vaksinasi

1 OGOS 2022

- Pelancong yang masuk ke Malaysia tidak perlu lagi melengkapkan Kad Pelancong pada aplikasi MySejahtera.
- Sekiranya pelancong dikesan demam atau tidak sihat melalui pengimbas haba yang diletakkan pada pintu masuk antarabangsa, mereka akan dirujuk ke bahagian kesihatan untuk menjalani pemeriksaan.

Tidak perlu kemaskini kad pelancong

28 SEPT 2022

- Pemakaian pelitup muka tidak lagi diperlukan di dalam kapal terbang.
- Bagaimanapun, wanita hamil, penumpang yang berisiko tinggi seperti warga emas, kanak-kanak dan mereka yang menghadapi penyakit kronik, dan imuniti rendah digalakkan untuk memakai pelitup muka.

Tidak perlu pakai pelitup muka di kapal terbang

Sumber: <https://themalaysianreserve.com/2022/12/28/2022-malaysia-welcomes-back-international-travellers/>

1 SEKTOR PENDIDIKAN & ICT

- Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) Fasa 1.
- Jelajah Pendidikan Keluarga Malaysia - Bantuan pelajar B40.
- Peranti Siswa - Bantuan laptop.
- Perkhidmatan Internet Satelit Luar Bandar (PeSAT) di Kelantan.

2 SEKTOR PEMBUATAN

- Geran RM5,000 kepada PKS yang mengguna pakai teknologi digital.
- Syarikat Multinasional (MNC) layak mendapat beberapa insentif cukai, termasuk pengurangan kadar cukai korporat sebanyak 17 peratus untuk RM150,000.
- pertama pendapatan bercukai.
- MNC yang melabur di Malaysia layak mendapat beberapa geran pelaburan, termasuk geran padanan sehingga RM100 juta untuk Pengusaha Kecil dan Sederhana (PKS) milik Bumiputera.
- Geran RM10,000 kepada PKS untuk mengeksport produk dan perkhidmatan.

3 SEKTOR PELANCONGAN

- Program Subsidi Upah bersasar khusus kepada pengusaha pelancongan yang mengalami penurunan Pendapatan sekurang-kurangnya 30 peratus.
- RM600 juta diperuntuk sebagai pembiayaan khusus bagi sektor pelancongan di bawah Skim Pemulihan BPMB dan Pembiayaan Sektor Pelancongan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA).
- Memperuntukkan RM85 juta bagi bantuan khas kepada lebih 20,000 pengusaha pelancongan yang berdaftar di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC).
- Pengecualian duti ke atas aktiviti hiburan termasuk taman tema dan panggung wayang di semua Wilayah Persekutuan dan pengecualian cukai pelancongan.
- Pengecualian cukai pendapatan kepada penganjur aktiviti kesenian dan kebudayaan serta pertandingan sukan dan rekreasi bertaraf antarabangsa.
- Pelepasan khas cukai pendapatan individu bagi perbelanjaan pelancongan domestik sehingga RM1,000 dilanjutkan hingga tahun taksiran 2022.

4 LAIN-LAIN

- Bantuan RM150 juta untuk transformasi nelayan.
- Peruntukan RM1 juta khidmat guaman bantu Keluarga Malaysia tidak berkemampuan.
- RM900 juta diperuntukkan bagi modenkan sistem Imigresen negara.
- Kerajaan beri tunai RM100 seisi rumah, RM50 bujang.
- Peruntukan khas RM21 juta bangun tanah rancangan FELDA.
- Peruntukan RM50 juta untuk pemiagaan mikro berasaskan makanan.
- RM1.53 bilion untuk bantu pesawah.
- Dana RM114 juta sokong usahawan luar bandar.
- Pengurangan kadar cukai sehingga 2 mata peratusan melibatkan setiap banjaran pendapatan melebihi RM35 ribu sehingga RM100 ribu bertujuan untuk menambah pendapatan boleh guna.
- Pengkalan tarif elektrik bagi pengguna domestik.
- Bantuan Tunai Khas Kewangan Aidilfitri sebanyak RM700 kepada semua penjawat awam Gred 56 ke bawah termasuk lanfikan kontrak.
- Bantuan tunai RM800 untuk tempoh 4 bulan bagi pekebun kecil getah bertujuan untuk mengurangkan beban kewangan semasa musim tengkujuh.



INISIATIF TERPILIH KERAJAAN NEGERI, 2022

JOHOR

- Pengecualian bayaran sewa premis dan gerai milik PBT serta Peruntukan Baucar
- Pelancangan Johor
- RM2.14 juta disalurkan bagi Program Pembangunan Industri Asas Tani
- Pengecualian pembayaran lesen Peradangan Unggas Negeri Johor
- RM420 ribu diperuntukkan untuk pembangunan industri tenusu dan pembiaak-bakaan
- Inisiatif petril secara one-off kepada pemandu e-hailing dan pemandu Teksi

KEDAH

- Bantuan Musim Tengkujuh (BMT) - RM1.5.8 juta
- Bantuan pertanian seperti benih & baja, jentera pertanian oleh Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) - RM6.4 juta
- Menyediakan tapak niaga kepada peniaga dan peniaga kecil - RM1.24 juta
- Prasarana pelancongan & pemuliharaan bangunan warisan - RM3.0 juta
- Inisiatif bantuan khas kepada penjawat awam berjumlah RM1,500.

KELANTAN

- RM30.51 juta pembangunan sektor pelancongan
- RM140.6 juta pembangunan program pendidikan
- RM6.39 juta kemajuan pertanian meliputi promosi pertanian dan latihan
- RM21.09 juta untuk memperkasakan sumber rantaian bekalan makanan

MELAKA

- Geran bantuan modal kepada pengusaha kecil pelancongan RM200 ribu
- Sara Nelayan - One-off RM1000 kepada 1,176 nelayan berdaftar (RM1,18 juta)
- Menambah baik skim subsidi peralatan nelayan, petani dan penternak - RM100 ribu
- Projek industri tanaman makanan - RM690 ribu kepada 200 orang petani
- Projek kluster tanaman durian dan kelapa - RM400 ribu kepada 50 orang petani
- Pengecualian bayaran lesen beca

MELAKA

- Geran bantuan modal kepada pengusaha kecil pelancongan RM200 ribu
- Sara Nelayan - One-off RM1000 kepada 1,176 nelayan berdaftar (RM1,18 juta)
- Menambah baik skim subsidi peralatan nelayan, petani dan penternak - RM100 ribu
- Projek industri tanaman makanan - RM690 ribu kepada 200 orang petani
- Projek kluster tanaman durian dan kelapa - RM400 ribu kepada 50 orang petani
- Pengecualian bayaran lesen beca

PAHANG

- Peruntukan RM17.09 juta kepada penternak dan industri hiliran
- Bantuan IN-KIND kepada nelayan darat - RM380 ribu
- Bantuan Prihatin Pahang (BPP 2022) - RM30 juta
- Penyediaan tawaran penginapan kreatif dengan kadar menarik oleh sektor perhotelan dengan menawarkan konsep Buy Now Travel Later
- Program Anggun Niaga bantuan one-off RM 1,000 kepada usahawan kecil ibu tunggal

PERAK

- Silver Valley Pre-Package Incentives memberikan diskaun premium tanah sehingga 30 peratus dan remisyen cukai tanah sehingga 15 peratus
- PRE Perak Sejahtera (RM47.0 juta) (kesejahteraan sosial, keselamatan makanan, pendidikan, pelancongan serta rekreasi dan sukan)
- Peruntukan RM3.1 juta bagi pembangunan komoditi pertanian
- Pembelian hasil pertanian daripada golongan petani, penternak dan nelayan yang terjejas

PERAK

- Peruntukan RM5 juta bagi Skim PEKA PKS 3.0
- Pemberian geran kepada Penang STEM (Science, Technology, Engineering and Mathematics) 4.0
- Peruntukan RM50 juta bagi projek-projek pembangunan pelancongan
- Peruntukan sebanyak RM2.0 juta kepada pemandu teksi dan pengusaha bas sekolah
- Peruntukan RM1 juta bagi Penang i4.0 Seed Fund 2.0

PULAU PINANG

- Peruntukan RM2.25 juta bagi Projek Pembangunan Padi - penternakan - RM1.42 juta
- Skim Bantuan Modal Tani (SBMT) - RM5 juta
- Bantuan peniaga kecil dan peniaga - RM500 hingga RM1,000
- Pembangunan infrastruktur tanah terbiar - RM1 juta
- Bantuan pakaian dan peralatan persekolahan - RM5 juta

PULAU PINANG

- Peruntukan RM5 juta bagi Program Pertanian Hidroponik RM500 ribu disediakan untuk pelbagai program pendidikan
- PRE Perak Sejahtera (RM47.0 juta) (kesejahteraan sosial, keselamatan makanan, pendidikan, pelancongan serta rekreasi dan sukan)
- Peruntukan RM3.1 juta bagi pembangunan komoditi pertanian
- Pembelian hasil pertanian daripada golongan petani, penternak dan nelayan yang terjejas

PERLIS

- Peruntukan RM658 ribu bagi Program Pertanian Hidroponik RM500 ribu disediakan untuk pelbagai program pendidikan
- RM7.16 juta bagi program pelancongan
- RM695 ribu bagi pembangunan industri penternakan, produk berasaskan temakan serta agro-pelancongan temakan

PERLIS

- Peruntukan RM658 ribu bagi Program Pertanian Hidroponik RM500 ribu disediakan untuk pelbagai program pendidikan
- RM7.16 juta bagi program pelancongan
- RM695 ribu bagi pembangunan industri penternakan, produk berasaskan temakan serta agro-pelancongan temakan

SARAWAK

- RM60 juta bagi membantu golongan berpendapatan rendah daripada sektor kelapa sawit dan pengusaha kecil
- RM5,000 bagi peralatan pertanian, racun dan baja
- Diskaun bil elektrik 5 peratus sehingga 25 peratus ke atas bil elektrik bulanan kepada pengguna domestik, komersil dan industri
- Pengecualian bayaran sewa kepada PKS
- Diskaun 50 peratus sewa pasar dan gerai

SARAWAK

- RM33.7 juta bagi pembangunan taman
- RM79.54 juta bagi peruntukan perbekalan tanaman
- RM227.4 juta diperuntukkan kepada sektor pelancongan
- RM9.5 juta diperuntukkan kepada Lembaga Kebudayaan Sabah
- RM400 ribu kepada persatuan-persatuan kebudayaan

SARAWAK

- RM60 juta bagi membantu golongan berpendapatan rendah daripada sektor kelapa sawit dan pengusaha kecil
- RM5,000 bagi peralatan pertanian, racun dan baja
- Diskaun bil elektrik 5 peratus sehingga 25 peratus ke atas bil elektrik bulanan kepada pengguna domestik, komersil dan industri
- Pengecualian bayaran sewa kepada PKS
- Diskaun 50 peratus sewa pasar dan gerai

Sumber: Belanjawan Kerajaan Negeri Tahun 2022, Bantuan Khas Sarawakku Sayang (BKSS) 8.0 & 9.0, Berita Harian, https://www.wilayahku.com, https://www.jpwpil.com, https://www.astroawani.com/



INDEKS HARGA PENGGUNA

Peningkatan inflasi pada tahun 2022 di seluruh dunia adalah disebabkan oleh kenaikan harga komoditi, kenaikan harga minyak global, pengukuhan dolar Amerika Syarikat (USD) berbanding mata wang utama dan isu ketegangan geopolitik antara Rusia dan Ukraine. Malaysia juga turut terjejas disebabkan oleh faktor-faktor tersebut selain dari kejadian seperti banjir dan tanah runtuh yang mengganggu bekalan produk pertanian dan menyebabkan kekurangan bekalan makanan dan kenaikan harga. Rentetan itu, Malaysia mencatatkan inflasi yang lebih tinggi iaitu 3.3 peratus pada 2022 berbanding tahun sebelumnya (2.5%). Ini merupakan peningkatan tertinggi sejak 2018.

Kenaikan harga komoditi global berpunca salah satunya disebabkan oleh konflik yang berterusan antara Rusia dan Ukraine kerana kedua-dua negara ini merupakan antara pengeluar utama beberapa komoditi utama seperti gandum, jagung, minyak bunga matahari dan sebagainya. Konflik ini telah memberi kesan kepada inflasi makanan di Malaysia kerana Malaysia bergantung kepada import bagi beberapa item makanan untuk memenuhi permintaan domestik. Peningkatan kos input bagi pertanian secara tidak langsung turut memberi impak kepada kenaikan harga makanan di Malaysia.

“


Inflasi Pulau Pinang meningkat kepada 3.2%

”



Selain itu, peningkatan purata harga minyak mentah dunia Brent pada tahun 2022 (41.7%) kepada USD99.82 setong berbanding USD70.44 setong (2021) telah memberi kesan langsung kepada kenaikan harga petrol tanpa plumbum RON97, petrol tanpa plumbum RON95 dan diesel.

Purata harga petrol tanpa plumbum RON95 pada tahun 2022 meningkat sebanyak 1.1 peratus (RM2.05 seliter) tahun ke tahun berbanding 21.2 peratus (RM2.03 seliter) pada tahun 2021. Namun begitu, purata harga petrol tanpa plumbum RON97 meningkat ketara 32.9 peratus (RM3.97 seliter) berbanding 50.2 peratus (RM2.65 seliter) pada tahun sebelumnya.



Inflasi Pulau Pinang meningkat kepada 3.2 peratus berbanding pada tahun 2021 (2.1%) dengan mata indeks mencatatkan 128.9 (2021: 124.9). Perbezaan inflasi di negeri ini 0.1 peratus lebih rendah berbanding inflasi Malaysia (3.3%) seperti pada **Carta 2.10**.

Secara keseluruhannya, peningkatan inflasi ini disumbangkan oleh kumpulan Makanan & minuman bukan alkohol (6.0%), Restoran & hotel (5.9%), Pengangkutan (4.7%), Hiasan, perkakasan & penyelenggaraan isi rumah (2.6%), Perkhidmatan rekreasi & kebudayaan dan pendidikan (2.3%) (**Jadual 2.4**).

Inflasi Makanan & minuman bukan alkohol meningkat kepada 6.0 peratus berbanding 1.1 peratus pada tahun 2021. Kesemua subkumpulan menunjukkan peningkatan di antara 2.3 peratus hingga 11.0 peratus. Subkumpulan susu, keju & telur (11.0%) merupakan penyumbang utama kepada peningkatan bagi kumpulan ini. Ini diikuti oleh daging (10.5%), beras, roti & bijirin (5.7%), minyak & lemak (4.2%), gula, jem, madu, coklat & manisan (4.0%) dan ikan segar & makanan laut (2.9%) seperti yang dipaparkan di **Jadual 2.5**.

Selain itu, peningkatan inflasi di Pulau Pinang juga disumbangkan oleh kumpulan Restoran & hotel yang meningkat kepada 5.9 peratus berbanding pada tahun sebelumnya (0.4%). Subkumpulan perbelanjaan di restoran & kafe dan perkhidmatan penginapan masing-masing menunjukkan peningkatan sebanyak 5.6 peratus (2021: 0.5%) dan 9.0 peratus (2021: -0.5%).

Inflasi Pengangkutan meningkat dengan kadar perlahan kepada 4.7 peratus berbanding 12.1 peratus pada 2021. Peningkatan yang perlahan ini disebabkan oleh subkumpulan pengurusan alat pengangkutan persendirian iaitu 6.0 peratus (2021: 15.8%).

Inflasi Makanan & minuman bukan alkohol meningkat kepada 6.0%

Jadual 2.3 Purata harga item terpilih, Pulau Pinang, 2021-2022

Item Terpilih	Unit	Purata Harga (RM)	
		2021	2022
Ayam Bersih-Standard	1kg	8.27	9.17
Telur Gred A	10 biji	3.84	4.40
Telur Gred B	10 biji	3.46	4.21
Telur Gred C	10 biji	3.21	4.04
Ikan kembung	1 kg	11.78	15.02
Ikan selayang	1 kg	11.38	12.92
Bawang besar (India)	1 kg	3.92	3.72
Bayam	1 kg	4.01	4.68
Sawi	1 kg	8.47	9.20
Pisang Berangan	1 kg	5.97	5.93




CARTA INDEKS HARGA PENGGUNA

Carta 2.10

Perubahan tahunan IHP, Pulau Pinang, 2011-2022

Perubahan (%)



Jadual 2.4

Perubahan tahunan IHP mengikut kumpulan utama (%), Pulau Pinang, 2021-2022

Tahun	2021	2022
Makanan & minuman bukan alkohol	1.1	6.0
Minuman alkohol & tembakau	0.7	0.8
Pakaian & kasut	-1.2	0.1
Perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain	2.2	1.5
Hiasan, perkakasan & penyelenggaraan isi rumah	1.3	2.6
Kesihatan	0.3	0.8
Pengangkutan	12.1	4.7
Komunikasi	0.2	-0.1
Perkhidmatan rekreasi & kebudayaan	-0.2	2.3
Pendidikan	0.3	2.3
Restoran & hotel	0.4	5.9
Pelbagai barangan & perkhidmatan	0.1	1.3
Keseluruhan	2.1	3.2

Jadual 2.5

Perubahan tahunan subkumpulan makanan dan minuman bukan alkohol (%), Pulau Pinang, 2021-2022

Tahun	2021	2022
Makanan & Minuman Bukan Alkohol	1.1	6.0
Makanan di luar rumah	2.0	7.1
Beras, roti dan bijirin	0.7	5.7
Daging	1.0	10.5
Ikan segar dan makanan laut	-0.5	2.9
Susu, keju dan telur	2.6	11.0
Minyak dan lemak	2.4	4.2
Buah-buahan	-0.8	2.3
Sayur-sayuran	-0.7	2.7
Gula, jem, madu, coklat dan manisan	0.1	4.0
Keluaran makanan f.t.t.l	2.5	6.0
Kopi, teh, koko dan minuman bukan alkohol	-0.2	2.8



Rencana 2:

Pembangunan Indeks Serentak: Sistem Penunjuk Ekonomi Pulau Pinang²

Khairolnizam Hassan, Jaessicaneethiya Michael dan Asma Amanina Aziz

Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Pulau Pinang

1.0 Pengenalan

Corona Virus Disease atau COVID-19 yang telah menular ke seluruh dunia mengakibatkan kehilangan ribuan nyawa. Bagi mengekang penularan wabak ini, kerajaan Malaysia telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). PKP telah merubah landskap kehidupan dengan memberi kesan langsung kepada semua individu dan aktiviti ekonomi di Malaysia termasuk Pulau Pinang.

Ekonomi Pulau Pinang telah menguncup kepada 2.1 peratus pada tahun 2020 iaitu sejajar dengan penguncupan ekonomi seluruh negeri di Malaysia. Penguncupan ini merupakan kesan langsung daripada pelaksanaan PKP yang telah dikuatkuasakan dalam tahun berkenaan. Sektor Perkhidmatan yang menyumbang 49.6 peratus kepada ekonomi Pulau Pinang telah menguncup 5.5 peratus khususnya yang melibatkan subsektor perdagangan dan edaran serta aktiviti yang berkaitan pelancongan.

Justeru, dalam merencana semula ekonomi di Pulau Pinang, kerajaan negeri memerlukan indikator yang boleh dijadikan penunjuk kepada senario ekonomi semasa. Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) yang merupakan komponen dalam Perakaunan Negara telah digunakan secara meluas di seluruh dunia sebagai penanda aras untuk mengukur pertumbuhan ekonomi. Memandangkan KDNK Negeri diterbitkan secara tahunan, kerajaan negeri sukar untuk menilai prestasi ekonomi dalam jangka masa yang panjang (melalui data tahunan).

Dalam hal ini, sistem penunjuk ekonomi yang dapat membantu untuk menunjukkan arah aliran prestasi ekonomi semasa setiap bulan ialah Indeks Serentak (IS). Ia berfungsi untuk menunjukkan arah aliran atau pun halatuju ekonomi semasa dan digunakan sebagai proksi kepada KDNK setiap bulan. Oleh itu, Jabatan Perangkaan Negeri Pulau Pinang mengambil inisiatif membangunkan IS Pulau Pinang bagi membantu kerajaan negeri memantau prestasi ekonomi secara bulanan. Pembangunan IS di Pulau Pinang adalah titik permulaan bagi sistem penunjuk ekonomi di peringkat negeri.


2.0 Sistem Penunjuk Ekonomi

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah mula mengeluarkan *Business Cycle Indicators* (BCI) Malaysia seawal tahun 1980. Sistem ini dibangunkan untuk memberi isyarat kepada ahli ekonomi dan penggubal dasar mengenai hala tuju ekonomi jangka pendek iaitu empat hingga enam bulan ke hadapan. Sistem ini yang juga dikenali sebagai Isyarat Amaran Awal atau *Early Warning Signal* (EWS) yang dapat meramalkan tempoh pengembangan dan penguncupan sesebuah ekonomi.

² Rencana ini adalah pandangan penulis dan tidak mewakili pandangan dari Jabatan Perangkaan Malaysia.



Carta 2(a): Business Cycle Indicators (BCI), Malaysia



Sebagai contoh, jika ekonomi berada dalam fasa pengembangan, ahli ekonomi dan pembuat dasar ingin mengetahui lebih awal bila tempoh pengembangan akan berakhir. Sekiranya ekonomi berada dalam fasa penguncupan, mereka ingin mengetahui lebih awal bila situasi yang mencabar ini akan tamat. Justeru, penyelidik atau pakar ekonomi berusaha untuk menyusun set BCI yang terdiri daripada Indeks Pelopor (IP), Indeks Serentak (IS) dan Indeks Susulan (ISL).

Sistem Penunjuk Ekonomi dibangunkan untuk memantau prestasi ekonomi secara bulanan dan membantu penggubal dasar, pelabur, penyelidik serta masyarakat umum untuk menilai prestasi ekonomi. Ianya dibangunkan dengan memilih beberapa data siri masa yang memberi kesan langsung kepada ekonomi dengan membentuk Indeks Komposit. Indeks Komposit merupakan gabungan komponen individu yang digunakan untuk mengukur gelagat kitaran ekonomi. Kebaikan Indeks Komposit berbanding analisis komponen individu ialah ianya dapat mengeluarkan pengaruh ketidakstabilan sesuatu komponen. Pada umumnya, Indeks Komposit lebih berupaya menghasilkan isyarat yang jelas dan konsisten berbanding penunjuk secara individu.

Indeks Komposit pada Penunjuk Ekonomi di Malaysia terdiri daripada IP, IS dan ISL. IP merupakan jangkaan keseluruhan aktiviti ekonomi untuk masa hadapan. Indeks ini memberitahu kita ke mana arah tuju ekonomi manakala IS merupakan ukuran komprehensif terhadap prestasi keseluruhan ekonomi semasa. ISL pula berfungsi sebagai pengesah kepada isyarat IP dan IS.

Pemilihan setiap komponen bagi Indeks Komposit adalah mengikut garis panduan yang terkandung dalam *Business Cycle Indicators Handbook* oleh *The Conference Board* seperti pada Jadual 2(a).

Jadual 2(a): Kriteria pemilihan komponen Indeks Komposit

Bil.	Ciri-ciri	Keterangan
1	Keakuran	Data siri yang dipilih perlu seiring dengan kitaran perniagaan
2	Konsisten	Data siri perlu sentiasa berfungsi secara konsisten
3	Signifikan	Data siri yang dipilih perlu menyumbang secara signifikan kepada aktiviti ekonomi
4	Kecukupan statistik	Data mestilah dikumpul dan diproses dengan menggunakan kaedah statistik yang diperaku
5	Kelicinan	Pergerakan data siri masa bulan ke bulan mestilah licin dan tidak banyak elemen ketidaktentuan
6	Ketepatan	Komponen yang terpilih mestilah mempunyai data siri yang bertepatan masa, tepat dan terkini untuk menghasilkan penunjuk yang berguna kepada analisis semasa

3.0 Penyusunan Indeks Serentak Pulau Pinang

Bagi pembangunan Penunjuk Ekonomi Negeri Pulau Pinang, IS dibangunkan terlebih dahulu berdasarkan ketersediaan data di peringkat negeri. Dengan pembangunan IS ini, ianya diharapkan menjadi proksi kepada prestasi keseluruhan ekonomi Pulau Pinang. Gambaran awal prestasi ekonomi boleh diperolehi dengan IS kerana ia adalah gabungan beberapa komponen yang signifikan terhadap ekonomi di negeri ini.

Sejumlah empat belas siri data ekonomi Pulau Pinang telah dikaji kesesuaiannya untuk dipilih sebagai komponen IS Negeri Pulau Pinang. Data siri ini adalah dalam bentuk kekerapan bulanan daripada Januari 2015 hingga Oktober 2022 (94 data). Di samping itu, data siri masa yang terpilih juga telah menjalani ujian pelarasan musim (*seasonal*) bagi mengeluarkan pengaruh musim terhadap data siri tersebut dan kajian ini menggunakan ARIMA X-12 dalam mengeluarkan pengaruh musim bagi komponen tersebut. Dalam pada masa yang sama, analisis trend (*trend*) dan kitaran (*cycle*) juga dilakukan bagi mendapatkan data siri yang bersesuaian dengan menggunakan *Hodrick-Prescott (HP) Filter* bagi tujuan berkenaan.

Berikut adalah enam komponen terpilih bagi pembangunan IS Negeri Pulau Pinang:

Jadual 2(b): Pemilihan komponen Indeks Serentak Pulau Pinang


Bil	Komponen	Kekukuran	Konsisten	Signifikan	Kecukupan Statistik	Kelicinan	Ketepatan	Pilih/Tidak
1	Bilangan tenaga buruh Pulau Pinang	Ya	Ya	Tidak	Ya	Tidak	Ya	Tidak
2	Nilai eksport Pulau Pinang	Ya	Ya	Ya	Ya	Ya	Ya	Ya
3	Nilai Jualan perdagangan borong dan runcit Pulau Pinang	Ya	Ya	Ya	Ya	Ya	Ya	Ya
4	Indeks Pembuatan (2015=100) Pulau Pinang	Ya	Ya	Ya	Ya	Ya	Ya	Ya
5	Nilai jualan sektor Pembuatan Pulau Pinang	Ya	Ya	Ya	Ya	Ya	Ya	Ya
6	Pekerja sektor Pembuatan Pulau Pinang	Ya	Tidak	Ya	Ya	Ya	Tidak	Tidak
7	Gaji upah sektor Pembuatan Pulau Pinang	Ya	Ya	Ya	Ya	Ya	Ya	Ya
8	Bilangan penganggur di Pulau Pinang (disongsangkan)	Ya	Ya	Ya	Ya	Ya	Ya	Ya
9	Nilai import Pulau Pinang	Tidak	Ya	Tidak	Ya	Ya	Ya	Tidak
10	Kadar Penyertaan Tenaga Buruh di Pulau Pinang	Ya	Ya	Tidak	Ya	Tidak	Tidak	Tidak
11	Bilangan ketibaan pelancong tempatan di Pulau Pinang	Ya	Tidak	Ya	Ya	Tidak	Tidak	Tidak
12	Bilangan ketibaan pelancong asing di Pulau Pinang	Ya	Tidak	Ya	Ya	Tidak	Tidak	Tidak
13	Indeks harga pengguna Pulau Pinang (YOY)	Ya	Ya	Tidak	Ya	Tidak	Ya	Tidak
14	Indeks harga pengeluar Pulau Pinang (YOY)	Ya	Tidak	Tidak	Ya	Tidak	Ya	Tidak

Berdasarkan kajian ini, enam komponen yang menepati ciri-ciri seperti yang digariskan telah dipilih.

- i. Nilai eksport Pulau Pinang;
- ii. Nilai jualan perdagangan borong dan runcit Pulau Pinang;
- iii. Indeks Pembuatan (2015=100) Pulau Pinang;
- iv. Nilai jualan sektor Pembuatan Pulau Pinang;
- v. Gaji dan upah sektor Pembuatan Pulau Pinang; dan
- vi. Bilangan penganggur di Pulau Pinang (disongsangkan).




Carta 2(b): Graf Komponen Terpilih bagi Indeks Serentak (IS) Negeri Pulau Pinang



Sehubungan itu, enam komponen ini telah dikompositkan menjadi satu indeks yang menggambarkan senario ekonomi semasa Pulau Pinang. Berikut adalah graf IS yang menunjukkan prestasi ekonomi Pulau Pinang serta pertumbuhan ekonomi secara bulanan.

Carta 2(c): Indeks Serentak (IS) Negeri Pulau Pinang



Carta 2(d): Pertumbuhan Bulanan Indeks Serentak (IS) Negeri Pulau Pinang





4.0 Kesimpulan

Berdasarkan kepada Carta 2(d) dapat dilihat bahawa ekonomi Pulau Pinang menguncup dalam tempoh pelaksanaan PKP dan PKPB iaitu pada separuh pertama tahun 2020 dan 2021. Prestasi ekonomi Pulau Pinang kian rancak atau berkembang semula selepas tempoh PKP dan PKPB dilaksanakan. Hala tuju prestasi ekonomi ini merupakan input yang diperlukan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam merencana dasar berkaitan ekonomi.

Meskipun indeks ini tidak mencerminkan prestasi ekonomi Pulau Pinang secara tepat, namun ianya dapat memberikan arah aliran prestasi ekonomi semasa secara bulanan sama ada ekonomi pada bulan tersebut adalah semakin baik, tidak berubah mahu pun menguncup berbanding bulan sebelumnya (bulan ke bulan). Sebagai penambahbaikan penyusunan IS ini, dicadangkan supaya lebih banyak indikator dikaji kesesuaiannya supaya dapat memberikan gambaran yang lebih baik berkenaan situasi ekonomi semasa di Pulau Pinang.

5.0 Penutup

Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah melancarkan *blueprint* terbaru yang bertujuan untuk mengimbangkan kemajuan prasarana di samping mengekalkan kebudayaan masyarakat melalui Pelan Pembangunan Pulau Pinang 2030 iaitu sesuai dengan temanya, Negeri pintar dan hijau berteraskan keluarga inspirasi negara. Meskipun IS tidak dapat memberikan angka tepat seperti KDNK, namun ianya boleh menjadi proksi kepada KDNK khususnya secara bulanan yang memberikan arah aliran atau tren ekonomi secara keseluruhan.

Sehubungan itu, adalah sesuai untuk membangunkan satu lagi kaedah dalam mengukur prestasi ekonomi secara bulanan bagi membantu Kerajaan menggubal dasar serta menyemak imbangan polisi yang telah dilaksanakan dengan lebih tuntas. Pemantauan prestasi yang berteraskan fakta dan statistik tepat serta menyeluruh pasti akan memberikan impak berganda dalam melestarikan ekonomi Pulau Pinang. Sebagai penambahbaikan penyusunan IS ini, dicadangkan supaya lebih banyak indikator dikaji kesesuaiannya supaya dapat memberikan gambaran yang lebih baik berkenaan situasi ekonomi semasa Pulau Pinang.

5.0 Rujukan

- Jabatan Perangkaan Malaysia (2021), *Laporan Sosioekonomi Pulau Pinang 2020*.
Jabatan Perangkaan Malaysia (2022), *Laporan Sosioekonomi Pulau Pinang 2021*.
Jabatan Perangkaan Malaysia (2023), *Penunjuk Ekonomi Malaysia, Mac 2023*.
Jabatan Perangkaan Malaysia (2022), *Laporan Tenaga Buruh 2021*.
Jabatan Perangkaan Malaysia (2022), *Statistik Perdagangan Malaysia (Negeri) 2021*.
Jabatan Perangkaan Malaysia (2022), *Laporan Indeks Perindustrian Malaysia (Mac 2022)*.
Moore-Shiskin (2000). *Business Cycle Indicators Handbook*.
Talib, A. L. (2018). *The Leading Indicators as an Early Warning Signals for Detecting Malaysia's Business Cycle Turning Points*.
Penang Institute (2018), *Penang2030 Guide*